






MUHD. FAKHRUL (kiri) bersama rakannya, Muhammad Zainol Ariffin Zulkifli menunjukkan timbunan sampah sarap di kawasan perangkap sampah Sungai Sengkuang berhampiran PPR Sri Stulang, Johor Bahru semalam.



KEADAAN Sungai Rambai, Bukit Mertajam yang berwarna kehitaman kerana tercemar dengan sisa buangan industri.



SUNGAI Kerayong tercemar kerana kegiatan pembuangan sisa kumbahan kedai, rumah dan kilang di Kuala Lumpur.

Sumber air bertukar jadi tempat buang sampah sarap, sisa buangan kilang

Sungai kita tercemar teruk

Oleh WARTAWAN KOSMO!

KUALA LUMPUR – Hitam, keruh dan berbau busuk. Itulah gambaran yang tepat keadaan beberapa batang sungai di seluruh negara yang kotor dan tercemar akibat pembuangan sisa kilang dan sampah sarap.

Tinjauan *Kosmo!* di Sungai Sengkuang dan Sungai Sebulung di Johor mendapati, ia dicekuri dengan timbunan sampah seperti botol, beg plastik dan tin kosong hingga mengundang bau kurang enak.

Seorang penduduk yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Stulang, Johor Bahru, Muhd. Fakhrul Izzat Kamal, 16, berkata, dia terpaksa



MUHD. FAKHRUL



AWANG

menghidu bau busuk setiap hari memandangkan kediamannya yang hampir dengan tebing Sungai Sengkuang dan keadaan menjadi lebih buruk terutama ketika hari hujan.

"Saya tinggal di sini bersama keluarga sejak 2008 dan sejak kebelakangan ini sampah semakin banyak dan ia dapat



KERATAN *Kosmo!* 7 Oktober 2015.

dilihat dengan jelas terkumpul pada perangkap sampah yang dipasang," ujarnya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Sementara itu, di Sungai Merlimau, Melaka, sekumpulan nelayan di Kuala Merlimau mendakwa, air kotoran dari sebuah kilang pembuatan produk berasaskan kulit telah menjejaskan

kan ekosistem di sungai tersebut.

Seorang nelayan, Awang Sulaiman, 58, mendakwa, air buangan daripada kilang berkenaan dilepaskan sekali dalam tempoh beberapa minggu menyebabkan air di kawasan bertukar hitam.

"Selain berbau busuk terutama ketika air surut, kami percaya bahan buangan itu turut menjejaskan pembiakan anak-anak udang di kawasan muara sungai," katanya.

Tinjauan di Sungai Rambai dan Sungai Juru di Pulau Pinang turut mendapati situasi yang sama berlaku apabila sampah sarap serta sisa industri dan pertanian turut dibuang ke dalam sungai.

Seorang pemancing yang hanya mahu dikenali sebagai

Azam, 30-an ketika ditemui di kawasan rekreasi berdekatan Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam berkata, situasi itu begitu meruncing sehingga keadaan sungai dilihat tidak sesuai untuk aktiviti rekreasi.

Dalam pada itu, keadaan Sungai Kerayong di Kuala Lumpur lebih dahsyat kerana dipenuhi dengan timbunan sampah dan sisa buangan kilang dan kedai makan berdekatan hingga mengakibatkan air sungai menjadi hitam sekali gus mencacatkan pemandangan.

Lokasi yang tercemar teruk adalah di kawasan perindustrian di Jalan Chan Sow Lin yang menempatkan banyak kilang di sekitar kawasan tersebut.